

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 11
SURAT

DGP reformasi pasaran buruh negara

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar
Harian

NASIONAL 17
KHAMIS 11 SEPTEMBER 2025 • SINAR HARIAN

DGP reformasi pasaran buruh negara

Peluang pekerja swasta menambahkan pendapatan selaras dengan peningkatan produktiviti

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**
SHAH ALAM

Dasar Gaji Progresif (DGP) yang diperkenalkan kerajaan mula dilihat sebagai langkah reformasi pasaran buruh negara dalam memastikan pendapatan pekerja meningkat seiring produktiviti.

Pengaruh Bahagian Pembangunan Modal Insan, Kementerian Ekonomi, Che Rahim Daud berkata, dasar itu merupakan pelengkap kepada gaji minimum kerana pelaksanaan gaji minimum telah menyebabkan berlakunya masalah herotan gaji.

"Dasar ini lebih menumpukan kepada golongan pekerja separuh mahir yang mengalami kenaikan gaji perlahan dan jurang gaji kecil berbanding gaji diterima oleh pekerja berkemahiran rendah menerima kenaikan gaji minimum setiap dua tahun sekali," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi program Wacana Sinar Edisi 482 bertajuk Dasar Gaji Progresif yang diadakan di Studio F Sinar Harian yang disiarkan secara langsung di semua platform digital Sinar Harian.

Selain Che Rahim, ahli panel lain ialah Ahli Majlis Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Palaniappan

Joseph, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Asri Ab Rahman dan Penganalisis Ekonomi di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Profesor Dr Baharom Abdul Hamid dan moderator ialah Masrenny Masri.

Menurutnya, DGP diperkenalkan selepas pembentangan kertas putih di Dewan Rakyat pada akhir 2023 dan diikuti projek rintis pada Jun hingga Ogos 2024 sebelum dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini.

Jelas beliau, dasar ini menggunakan tiga pendekatan iaitu bersifat sukarela, terkait dengan produktiviti iaitu menghubungkan peningkatan gaji dengan prestasi kerja serta kemahiran tambahan yang diperoleh mereka.

Beliau juga menjelaskan, kerajaan turut menyediakan insentif tunai bagi menarik penyertaan syarikat.

"Bagi pekerja peringkat permulaan atau entry level, majikan akan menerima bayaran sehingga maksimum RM200 sebulan. Untuk pekerja bukan peringkat permulaan atau non-entry level, kadar insentif ialah sehingga maksimum RM300 sebulan.

"Usaha kerajaan adalah untuk memberi peluang kepada pekerja sektor swasta meningkatkan pendapatan gaji selaras dengan produktiviti. Ini supaya pekerja lebih bersemangat dan dalam masa sama tidak membebankan majikan," katanya.

Che Rahim berkata, langkah itu memberi garis masa yang jelas kepada majikan untuk merancang strategi perniagaan seiring pelaksanaan dasar tersebut.



Dari kiri: Masrenny, Che Rahim, Palaniappan, Baharom dan Asri pada program Wacana Sinar Edisi 482 bertajuk Dasar Gaji Progresif yang diadakan di Studio F Sinar Harian, di Shah Alam.

Ujar beliau, kerajaan turut menubuhkan jawatankuasa pelaksanaan DGP yang merentas kementerian dan agensi.

"Antaranya adalah Kementerian Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), termasuk Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp). Jawatankuasa ini berfungsi dalam memastikan DGP dilaksanakan sebaiknya dan mencapai matlamat yang disasarkan," katanya.

Mengulas keberkesanan pelaksanaan awal, Che Rahim berkata, projek rintis yang dijalankan selama tiga bulan sebelum ini bagi membolehkan kerajaan mengenal pasti isu dan cabaran serta mencari jalan penyelesaian sebelum pelaksanaan penuh dilaksanakan.

Beliau menambah, kerajaan memperuntukkan RM200 juta melalui Belanjawan 2025 bagi menyokong pelaksanaan penuh dasar tersebut.

Dana itu dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 50,000 pekerja di seluruh negara menerusi penyertaan majikan dalam program berkenaan.

Che Rahim berkata, langkah itu selari dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) untuk meningkatkan bahagian pampasan pekerja (CE) kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) daripada 33.6 peratus pada 2024 kepada 40 peratus menjelang 2030.

"Bagi Ekonomi Madani, kerajaan juga menetapkan sasaran lebih tinggi iaitu 45 peratus pada 2033," katanya.

Selain itu, beliau berkata, DGP adalah sebahagian daripada agenda besar kerajaan dalam memperkukuh reformasi pasaran buruh agar pekerja mendapat ganjaran setimpal dengan peningkatan kos sara hidup dan majikan pula beroleh tenaga kerja produktif.

Beliau menegaskan, usaha itu merupakan titik tolak penting bagi membawa Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2030.